

Pusat zakat perlu sedia insurans asnaf

SAUDARA PENGARANG,

MUTAKHIR ini terdapat pelbagai peristiwa menyedihkan yang telah meragut nyawa. Kemalangan kenderaan di jalan raya, lemas di lautan dan pesawat yang terbabas menyembah bumi. Semua peristiwa ini telah mengorbankan nyawa tanpa diduga.

Sedar ataupun tidak, jika seseorang itu meninggal dunia, si mati pasti meninggalkan keluarga terutama isteri dan anak-anak.

Lebih merungsingkan apabila keluarga hanya bergantung sepenuhnya kepada kita yang mencari nafkah dan belanja seharian.

Perkara utama yang harus difikirkan ialah bagaimana kita mahu meminimumkan risiko sekiranya kita tidak lagi bernyawa pada suatu masa nanti?

Sudah tiba masanya agensi berkaitan khususnya institusi agama mencari solusi dalam menangani isu ini kepada golongan B40 terutamanya yang rata-ratanya tergolong

dalam asnaf fakir dan miskin.

Adakah agihan zakat boleh dibuat menerusi pembayaran premium dalam meminimumkan risiko jika asnaf yang menjadi ketua keluarga terlibat dalam kemalangan yang meragut nyawa?

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada Jun lalu melancarkan Pakej Rahmah Takaful yang melibatkan dua operator takaful dengan harga premium bulanan serendah RM5 secara bulanan untuk Takaful Kemalangan Diri Rahmah.

Justeru, harga tersebut sangat berpatutan dan agensi mengurus zakat seluruh negeri dapat memanfaatkan sedikit bantuan agihan zakat untuk meminimumkan risiko asnaf jika dibenarkan syarak.

**DR. MUHAMMAD HAFIZ
BADARULZAMAN**

Ketua Unit Penyelidikan
Shariah dan Undang-Undang
Perniagaan Islam,
Pusat Pengajian Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia



INSURANS penting bagi melindungi keluarga yang telah ditinggalkan suami atau isteri akibat kejadian tidak diingini. — GAMBAR HIASAN